



**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB ADLY BIN ZAHARI  
TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN**

**PERASMIAN PELANCARAN PROGRAM MEMBUDAYAKAN R&D  
PERTAHANAN DI SEKOLAH**

**24 MEI 2023**

**PAVILION MINDEF, PUSAT PAMERAN ANTARABANGSA LANGKAWI  
(MIEC), KEDAH**

Bismillahirrahmanirrahim

## **SALUTASI**

1. **Yang Berbahagia Dato' Sri Muez bin Abd Aziz,**  
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan
2. **Yang Berbahagia Dato' Aminudin bin Yahaya,**  
Ketua Pengarah STRIDE
3. **Yang Berbahagia Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad,**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)  
Kementerian Pertahanan Malaysia
4. **Yang Berusaha Dr. Mohd Bakhari bin Ismail,**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)  
Kementerian Pertahanan Malaysia
5. **Yang Berusaha Tuan Mohd Yani bin Daud,**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)  
Kementerian Pertahanan Malaysia
6. **Yang Berusaha Encik Sabri bin Osman,**  
Timbalan Pengarah Pendidikan (Pembangunan Murid)  
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah  
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. **Yang Berusaha Encik Yusuf bin Nayan,**  
Pengetua  
SMK Tunku Putra, Langkawi, Kedah.
8. **Pegawai-pegawai Kanan Mindef dan ATM**
9. Guru-guru dan para pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Putra Langkawi, Kedah.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh, Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan

## PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan atau STRIDE dan Jawatankuasa Penganjur Program Membudayakan R&D Pertahanan di Sekolah di atas kejayaan menganjurkan majlis **Pelancaran Program Membudayakan Penyelidikan dan Pembangunan atau R&D Pertahanan di Sekolah** pada petang ini.
2. Sesungguhnya penganjuran Program ini membuktikan komitmen STRIDE dan Kementerian Pertahanan terhadap usaha-usaha menyemarakkan budaya penyelidikan dan inovasi bukan sahaja di kalangan warga pertahanan malah kepada generasi muda yang terdiri daripada para pelajar sekolah menengah.
3. Objektif penganjuran Program ini antaranya adalah untuk:
  - a. Memberi **pendedahan dan kesedaran** kepada para pelajar mengenai kepentingan Sains, Teknologi dan Inovasi Pertahanan (ST&I) serta R&D pertahanan;
  - b. **Menarik minat dan menggalakkan** para pelajar memilih aliran sains pada peringkat menengah atas dan universiti;
  - c. **Mencungkil dan memupuk bakat** R&D Pertahanan di kalangan pelajar-pelajar sekolah;
  - d. **Menyokong pelaksanaan dasar STEM** (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) yang dilaksanakan di sekolah; dan
  - e. **Meningkatkan kemahiran komunikasi dan sosial** dalam proses pembangunan projek.

**Hadirin dan hadirat sekalian,**

4. Program Membudayakan R&D Pertahanan di Sekolah akan dilaksanakan secara berterusan melalui **dua aktiviti utama** iaitu;
  - a. **Cakna Sains, Teknologi dan Inovasi (ST&I) Pertahanan** di mana, para penyelidik STRIDE akan mengadakan kunjungan ke sekolah-sekolah terpilih bagi memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan aktiviti penyelidikan selain mengadakan pameran berkaitan kemajuan teknologi pertahanan; dan
  - b. Kedua, **Pertandingan Inovasi Pertahanan** bertemakan *Future Soldier* atau Tentera Masa Hadapan. Penyertaan Pertandingan ini akan dibuka mulai hari ini dan Majlis Penutup adalah pada bulan November 2023.

## **MEMBANGUN MALAYSIA MADANI**

**Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,**

5. Agenda dasar kerangka MADANI yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan sahaja memberi tumpuan kepada penyelesaian masalah dan memenuhi keperluan Negara, tetapi ia juga menyentuh bagaimana kita perlu mencorakkan masa hadapan demi memenuhi keperluan holistik rakyat serta Negara.
6. **Daya cipta** merupakan salah satu tonggak kerangka tersebut. Penglibatan pelajar dalam program reka cipta dan inovasi akan memberi pendedahan awal lantas menyuntik semangat pelajar sekolah untuk menjadi modal insan yang mampu berfikir secara kritis, kreatif dan berdaya saing.

7. Penganjuran program seperti ini diharap dapat mengatasi masalah kurangnya minat pelajar-pelajar dalam menekuni ilmu sains dan teknologi. Oleh itu, STRIDE selaku institusi penyelidikan pertahanan Negara perlu memainkan peranan membantu Kementerian Pendidikan Malaysia dalam **memupuk budaya daya cipta** dalam kalangan pelajar sekolah selaku pewaris generasi masa hadapan.
  
8. Kita sedia maklum program STEM yang aktif dan sedang giat dilaksanakan di sekolah-sekolah. Kini tibalah masanya **teknologi pertahanan diserapkan di dalam pelaksanaan aktiviti STEM**. Saya percaya STRIDE mampu menggalas tanggungjawab membantu Kementerian Pendidikan dalam merealisasikan perkara tersebut.

**Hadirin dan hadirat sekalian,**

9. Di sini, saya menyeru para pelajar dan guru yang berada di dewan ini agar mengambil peluang meninjau *booth* pameran syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa yang menyertai pameran LIMA pada kali ini. Adalah diharap ianya dapat menyemarakkan lagi minat para pelajar terhadap teknologi pertahanan seterusnya melahirkan teknokrat pertahanan tempatan pada masa hadapan.

**PENUTUP**

10. Sebelum saya akhiri ucapan saya pada hari ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada STRIDE selaku penganjur Program. Saya yakin penganjuran majlis ini mampu menyemarakkan semangat inovasi dan cintakan Sains dan Teknologi di kalangan para pelajar.

11. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan kepada para pelajar dan guru-guru **Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Putra Langkawi** serta pegawai Pejabat Pendidikan Daerah Langkawi dan Negeri Kedah atas kehadiran di majlis pelancaran pada hari ini. Masih tidak terlewat untuk saya ucapkan Selamat Hari Guru kepada para pendidik yang saya hormati dan semestinya memainkan peranan penting dalam mencorak budaya pemikiran generasi masa hadapan.

12. Akhir kalam dengan lafaz  saya merasmikan Program Membudayakan R&D Pertahanan di Sekolah.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.